

22/09/2003

BSN mahu peruntukan lebih

Badrila Jamlus

BANGI: Bank Simpanan Nasional (BSN) berharap Skim Kredit Mikro yang diuruskannya diberikan peruntukan lebih tinggi berikutan pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam Bajet 2004 lalu untuk menambah sebanyak RM1 bilion lagi.

Pengerusi BSN, Datuk Abdul Azim Mohd Zabidi, berkata ini kerana pinjaman yang dikendalikan bank itu meliputi pelbagai jenis perniagaan bukan pertanian yang lebih meluas, seperti runcit, pembinaan, perkhidmatan dan perdagangan.

Beliau berkata, peruntukan tambahan itu wajar kerana skim berkenaan mendapat sambutan terlalu menggalakkan sejak dilancarkan pada 3 Jun lalu dengan BSN menerima peruntukan sebanyak RM300 juta manakala Bank Pertanian Malaysia (BPM) RM500 juta.

"Kerajaan belum menentukan agihan peruntukan tambahan sebanyak RM1 bilion itu kerana Kementerian Kewangan masih mengkajinya tetapi berharap kerajaan akan memberi peruntukan lebih kepada BSN," katanya.

Beliau berkata demikian kepada Berita Harian selepas merasmikan kursus induksi Mentee (peminjam) Skim Kredit Mikro anjuran Dewan Perdagangan Islam Malaysia Selangor (DPIMS) dan BSN di sini, semalam.

Dalam Bajet 2004 lalu, Perdana Menteri berkata, penyediaan kemudahan itu adalah lanjutan daripada Skim Kredit Mikro di bawah Pakej Strategi Baru yang diumumkan Mei lalu, yang memberikan pinjaman mudah kepada pengusaha kecil daripada pelbagai golongan seperti petani, penternak lembu, peniaga pasar malam dan penjaja.

Abdul Azim berkata, antara sektor yang paling besar membuat pinjaman menerusi skim itu ialah sektor perniagaan seperti kedai atau gerai makanan diikuti perkhidmatan meliputi kedai andaman, jahit, kedai runcit dan pasar mini.

Katanya, bagi tempoh sehingga 18 September lalu, BSN menerima 64,686 permohonan pinjaman di bawah Skim Kredit Mikro bernilai RM1.05 bilion.

Beliau berkata, daripada jumlah itu, BSN sudah meluluskan 27,987 permohonan bernilai RM266.85 juta dan menolak 5,240 permohonan bernilai RM81.65 juta.

Daripada keseluruhan pinjaman yang sudah diluluskan, 19,714 peminjam sudah mengeluarkan pinjaman bernilai RM189.53 juta.

Abdul Azim berkata, ketika ini BSN mempunyai memorandum persefahaman dengan 360 persatuan yang menguruskan 10,500 mentor di seluruh negara bagi mengendalikan proses permohonan pinjaman.

Mentor adalah pihak yang bertanggungjawab menyokong permohonan pinjaman peniaga kecil dan antara syarat menjadi mentor ialah terbabit dalam perniagaan tidak kurang lima tahun, mempunyai syarikat Sendirian Berhad, menjadi ahli persatuan yang diwakilinya dan mempunyai kewangan kukuh.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan agar persatuan yang terbabit dalam skim itu mengambil pendekatan dengan mewujudkan satu tabung khas sebagai modal untuk digunakan bagi tujuan latihan dan penganjuran kursus kepada peminjam (mentee).

"Ketika ini, BSN menyediakan RM400 kepada setiap mentor untuk menguruskan proses pinjaman dengan had maksimum untuk menguruskan mentee adalah seramai 10 orang.

"Ini bermakna jika seseorang mentor memperoleh RM4,000 bagi 10 peminjam, maka wang itu lebih baik digunakan untuk tujuan latihan seperti asas perakaunan dan kursus perniagaan kepada peminjam yang pertama kali menceburi bidang ini," katanya.